

Penyelidikan UMS-UTM hasilkan rumah komuniti melalui Sistem IBC

urB 7.12.2017 B4

PENYELIDIKAN bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya menghasilkan rumah komuniti yang dibina di Tawau menggunakan Sistem 'Interlocking Brick Construction' (IBC) dengan peruntukan geran penyelidikan Translational Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bernilai RM1 juta.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, projek Rumah Komuniti Parlimen Tawau yang turut melibatkan Kolej Vokasional dan Kolej Komuniti Tawau diinspirasikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Dr Mary Yap Kain Ching.

Pembinaan telah dimulakan pada pertengahan bulan September 2017 dan siap sepenuhnya dengan

dilengkapi kemudahan asas seperti air dan elektrik pada awal November.

"Rumah Komuniti Parlimen Tawau berkeluasan 650 kaki persegi ini dibina dan dilengkapi dengan ruang tamu, dapur, tiga bilik serta kemudahan bilik air.

"Berbanding sistem pembinaan konvensional, kecepatan pembinaan rumah ini agak mengagumkan kerana menggunakan Sistem IBC yang mana teknik penyusunannya agak mudah, malah kos pembinaan adalah 20 peratus lebih murah dan dalam masa yang sama, penggunaan tanpa acuan dan teknik kerja melepada memudahkan proses pembinaan rumah komuniti ini," katanya.

Beliau menambah, selaras dengan teknologi hijau yang mendukung kelestarian alam sekitar, Fakulti Kejuruteraan



MARY menyerahkan replika kunci sebagai simbolik penyerahan rumah komuniti kepada Hashim.

(FKJ) UMS turut menjalankan penyelidikan terhadap penggunaan abu pembakaran sawit (POFA), dan habuk kuari sebagai bahan campuran selain dari simen, pasir serta tanah

liat pada bata 'Interlocking Brick System' (IBS).

"POFA dan habuk kuari merupakan bahan buangan yang berpotensi tinggi untuk dikitar semula sebagai

bahan tambah. Inovasi ini akan menumpukan penghasilan batu bata IBS lebih murah di samping mempertingkatkan teknik pembinaan agar lebih efisien.

"UMS berpeluang merealisasikan penyelidikan ini melalui kilang mesin pembuatan batu bata yang telah diperuntukkan di bawah 'Translational Research Program' yang kini ditempatkan di kampus UMS, Kota Kinabalu," katanya.

Kamarudin berharap agar projek komuniti itu dapat memberikan impak positif kepada pembinaan rumah yang lebih mampan dan mendorong ekonomi serta kesejahteraan kekeluargaan melalui pembinaan rumah komuniti itu.

Sementara itu, Mary yang juga Ahli Parlimen Tawau berkata, beberapa kriteria telah digariskan sebelum layak menerima rumah itu.

"Kriteria yang diambil kira untuk layak menerima rumah ini ialah penduduk di kawasan saya tidak mempunyai

rumah disebabkan latar belakang sosioekonomi yang berpendapatan rendah, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU), ketidakupayaan kerana sakit atau warga emas," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut menyempurnakan majlis penyerahan kunci rumah kepada keluarga Hashim Maidin yang merupakan penduduk di Jalan Bukit Quion, di sini, sebagai simbolik penerimaan rumah komuniti itu.

Hadir sama ialah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof Dr Shahril Yusof, Dekan FKJ Prof Ir Dr Abdul Karim Mirasa, Pengarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Awam UTM Prof Ir Dr Mahmood Tahir, Pengarah Kolej Komuniti Tawau Rashid Saad dan Pengarah Kolej Vokasional Tawau Ragiah Muthusamy.